

PENGASUH PENGGGAL KEPALA BUDAK

berita metro - 2/3/16 (m/s 48)

Wanita Uzbekistan marah suami kahwin lain lepas geram pada anak majikan

Agensi
Moscow

Seorang pengasuh menggagal kepala kanak-kanak perempuan berusia empat tahun yang dijaganya sebelum menjinjing kepala mangsa di dalam beg sambil mengugut akan meletupkan dirinya berhampiran stesen kereta api metro Oktyabrskoye Pole, di sini.

Wanita itu, Gyulchehra Bobokulova, 38, dari Uzbekistan, yang memakai burka hitam dikatakan membunuh kanak-kanak terbabit yang dipercayai mempunyai masalah pembelajaran dan tidak boleh berjalan, selepas membakar apartmen keluarga mangsa.

Gyulchehra ditahan manakala mayat mangsa - Anastasia Meshcheryakova - ditemui tanpa kepala di katilnya.

Media tempatan melaporkan Gyulchehra menjerit ketika berjalan di sekitar Moscow dengan berkata: "Saya bencikan demokrasi. Saya penganas. Saya mahu kamu mati."

"Lihat, saya pengebom berani mati. Saya akan mati dan kiamat bakal terjadi dalam sesaat."

Dia kemudian mengeluarkan kepala mangsa dan berjalan berhampiran pintu masuk stesen metro berkenaan. Video lain menunjukkan ibu mangsa, Ekaterina

Meshcheryakova pengsan selepas mendengar berita pembunuhan anaknya.

Saksi Alexandra Shuvalova berkata, dia melihat Gyulchehra berlari dengan menghayunkan sesuatu 'yang berbahaya' di tangannya.

"Tiba-tiba saya menyedari dia sebenarnya memegang kepala dengan darah masih menitik, malah turut terkena



RAKAMAN CCTV menunjukkan Gyulchehra memegang kepala mangsa (dibulatkan). Gambar kecil, ibu mangsa, Ekaterina.

kasut dan skirt dipakainya. Seorang pengawal keselamatan melihatnya, tetapi tidak cuba menangkap sebaliknya lari bersama orang lain.

"Saya mendengar dia menjerit Allahu Akbar sekurang-kurangnya tiga kali

dan memukul dadanya sambil menjerit dalam bahasa Uzbekistan," katanya.

Menurut media tempatan, wanita itu memberitahu polis dia membunuh mangsa kerana berang suaminya berkahwin lain.